

Kerajaan tak pernah lulus permohonan

KDN, polis jalankan siasatan terperinci: TPM

Oleh Khairul Azran Hussin dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan tidak pernah menerima atau meluluskan permohonan untuk membawa masuk abu mayat bekas pemimpin Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng ke negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kerajaan tidak sekali-kali membelakangkan jasa dan pengorbanan wira yang terkorban ketika mempertahankan negara daripada ancaman komunis.

“Berdasarkan maklumat saya terima, Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) tidak pernah menerima permohonan atau meluluskan permohonan membawa masuk abu Chin Peng.

“Sudah tentu kerajaan dan KEMENTAH tidak akan dan tidak

pernah membelakangkan jasa dan pengorbanan perwira terdahulu, termasuk keluarga dan waris yang kehilangan ahli keluarga dalam membendung pengaruh komunis.

“Saya juga yakin Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selaku pihak bertanggungjawab terhadap keselamatan dalam negara akan menjalankan siasatan terperinci perkara ini,” katanya selepas merasmikan merasmikan ‘Smart Technology For Smart City Summit 2019’ di sini, semalam.

Kelmarin, media melaporkan abu mayat Chin Peng atau nama sebenarnya Ong Boon Hua dibawa masuk pulang ke Malaysia dan ditabur ke laut berhampiran Lumut, Perak dan di hutan banjaran Titiwangsa tanpa sebarang tugu atau jirat.

Abu mayat bekas pemimpin PKM itu dilaporkan tiba di Ipoh, Perak pada 16 September lalu dan satu majlis peringatn dihadiri 150 individu diadakan pada hari yang sama.

Chin Peng yang lahir di Sitiawan, Perak meninggal dunia di sebuah hospital di Bangkok

pada 2013 ketika usia 90 tahun.

Kerajaan pada ketika itu sudah memutuskan larangan bagi membawa mayat atau abunya pulang ke Malaysia untuk disemadikan.

Di **Bangkok**, BERNAMA melaporkan Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, juga menegaskan kerajaan tidak pernah membenarkan abu mayat Chin Peng dibawa pulang ke Malaysia.

Katanya, berdasarkan panduan membawa balik dan keluar abu mayat, ahli keluarga atau sesiapa sahaja perlu memaklumkan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

“Persoalannya adakah pihak terbabit memaklumkan perkara itu atau ia diseludup masuk ke negara kita dengan tidak diketahui pihak berkuasa.

“Yang pasti, kita tidak mengetahui langsung (abu Chin Peng dibawa pulang ke Malaysia). Kita hanya tahu selepas keluarga atau sahabat handai membuat kenyataan,” katanya.

Beliau berkata, beberapa pihak sudah membuat laporan polis dan perkara itu akan disiasat secara terperinci.

BH - 28/11/2019 m/s: 6